



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

***TEKS UCAPAN***

**YB TUAN GOBIND SINGH DEO**

**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

---

**MAJLIS AMANAT YB MENTERI**

**17 JANUARI 2019**

Salam sejahtera dan Salam Harapan.

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Ali Mohamad Nor**

Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia  
Malaysia

**Yang Berusaha Encik Shakib Ahmad Shakir**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Komunikasi  
dan Multimedia Malaysia

**Yang Berusaha Encik Tan Chuan Ou**

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Kementerian Komunikasi  
dan Multimedia Malaysia

**Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi**

**Warga Kementerian, Jabatan dan Agensi**

Salam sejahtera dan Salam Harapan.

1. Pertama sekali, terima kasih kepada semua pihak kerana menganjurkan majlis pada hari ini. Ini adalah Majlis Amanat buat kedua kalinya diadakan sejak saya diberikan amanah sebagai Menteri untuk menerajui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
2. Bagi tempoh 8 bulan sejak Mei 2018, pelbagai kejayaan telah dicapai oleh Kementerian ini dan saya ingin berterima kasih kepada pihak Pengurusan Tertinggi dan semua warga KKMM kerana memberikan sepenuh kerjasama kepada Kerajaan Baharu dalam merealisasikan Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan khususnya kepada rakyat Malaysia.
3. Sepanjang tahun 2018, KKMM telah mencapai beberapa kejayaan yang baik sekali dan boleh dilihat dari beberapa aspek:

## **Pembangunan Masyarakat Bermaklumat**

- a) Perubahan Radio Televisyen Malaysia (RTM) dalam menonjolkan imej baharu dan lebih agresif sebagai usaha menarik lebih ramai penonton memastikan stesen berita paling utama ini mampu bersaing secara sihat dan menghasilkan produk yang berkualiti dan inovatif. Antaranya pertandingan bola sepak Piala Dunia 2018 yang telah disiarkan secara percuma menerusi RTM ke arah merealisasikan impian jutaan rakyat Malaysia menyaksikan acara sukan peringkat antarabangsa.
- b) Dalam hal ini juga, Berita Nasional 8 telah diberi wajah baharu bermula 1 Ogos 2018 melibatkan '*look and feel*' yang lebih segar melalui penggunaan set maya (*virtual set*), grafik dan skim warna yang lebih menarik serta penyampai-penyampai yang berwibawa.

Kandungan RTM juga telah diperkasa dengan pengisian yang lebih komprehensif iaitu tambahan pelbagai segmen seperti laporan khas, eksklusif, berita hiburan dan pemantapan segmen sukan dengan olahan baharu menjadi elemen penting kandungan Nasional 8 baharu selain liputan harian yang menjadi '*story of the day*'.

c) Dalam masa yang sama, RTM juga memberikan hak bersiaran dalam saluran TV dan radio kendalian RTM kepada semua parti berdaftar yang bertanding dalam pilihan raya yang telah diadakan setakat ini.

d) Selain itu, BERNAMA juga telah kembali menyiarkan berita Mandarin dan Tamil di saluran berita yang disiarkan menerusi saluran Astro 502 Hypp TV dan MyTV.

e) Kejayaan pelaksanaan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2018 yang penuh bersejarah kepada Kerajaan bertemakan 'Sayangi Malaysiaku' bagi merai dan mempertingkatkan semangat cintakan negara di kalangan rakyat Malaysia. Ini adalah hasil komitmen dan semangat kerjasama tinggi yang diberikan oleh semua pihak.

### **Pengukuhan Kecekapan Infrastruktur Komunikasi**

a) Kementerian menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia juga terus komited dalam mengukuhkan liputan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20Mbps kepada 50% premis di kawasan pinggir dan luar bandar pada tahun 2020. Selain itu, menerusi gabungan teknologi mudah alih dan talian tetap, liputan jalur lebar juga telah diperluaskan kepada 95% liputan di kawasan pinggir dan luar bandar.

b) Dalam masa yang sama, liputan jalur lebar berkelajuan tinggi juga diperluaskan dengan menggunakan infrastruktur Tenaga Nasional Berhad (TNB) terutamanya ke kawasan luar bandar dan kawasan yang belum mempunyai liputan jalur lebar berkelajuan tinggi. Sebuah projek rintis jalur lebar di Jasin yang dilancarkan pada 8 Jan lalu adalah hasil pelaksanaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) dengan kerjasama TNB di mana 1,100 kediaman dapat menikmati kelajuan Internet sepantas negara-negara maju sehingga mencecah 1Gbps.

c) Selain itu, di bawah inisiatif pengurangan harga jalur lebar pada kelajuan berganda, Standard Mandatori Mengenai Harga Capaian atau *Mandatory Standard Access Pricing (MSAP)* yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2018 telah pun dilaksanakan sepenuhnya oleh pemegang-pemegang lesen pada 8 Jun 2018.

## **Pemantapan Industri Kreatif**

Pembangunan industri kandungan kreatif negara juga dipertingkatkan dengan pelbagai program dan aktiviti antaranya:

- Pembangunan rangka kerja pemberian Dana Kandungan Digital;
- Projek “SineSKRIN” bagi memperkasa program inkubasi karyawan muda;
- Program *Cross FIT (Film Industrial Training)* bagi mengiktiraf bakat-bakat industri yang telah mengharumkan nama negara;
- Program Intra-Sinema iaitu tayangan dan apresiasi filem-filem berkualiti oleh karyawan muda;
- Program Sembang SKRIN yang menghimpunkan penggiat muda di dalam program eksplorasi ilmu.
  
- Pelancaran Laman Portal Malaysia Creative Industry Xchange (MCIX) merupakan penanda aras potensi



kemajuan yang akan dilaksanakan tahun depan. MCIX sebagai hab jaringan data industri adalah manifestasi penting 'data is king' sebagai 'bahan api' ekonomi digital. Ia berpotensi dikembangkan menjadi pentas yang akhirnya mampu menjana pendapatan sendiri pada masa depan berdasarkan jumlah pengunjung yang merujuk kepada laman ini.

- Sesi 'pitching' FINAS bagi Dana Pembangunan akan dijalankan dengan lebih kerap di Sabah dan Sarawak bertujuan menggalakkan lebih ramai penggiat seni untuk menghasilkan filem dan kandungan yang lebih kreatif dan berkualiti.

## **Pembangunan Ekonomi Digital**

- a) Program eRezeki yang memberi peluang golongan B40 menjana pendapatan tambahan dengan melakukan kerja-kerja sambilan melalui pelbagai platform atas talian telah mencatatkan pendapatan tambahan keseluruhan bagi pekerja digital kategori B40 berjumlah RM126.5 juta.
  
- b) Program eUsahawan yang menyediakan latihan kepada usahawan untuk menimba ilmu dan kemahiran menggunakan platform digital dan media sosial sebagai medium meluaskan pasaran serta meningkatkan jualan pula telah mencatatkan sejumlah RM165 juta pendapatan tambahan yang dijana oleh peserta.

- c) Selain itu, Kementerian melalui MDEC dan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan telah melaksanakan beberapa program ke arah pembangunan modal insan dalam bidang ekonomi digital. Antaranya, program *MyDigital Maker* yang menerapkan kemahiran pemikiran komputasional dan sains komputer dalam kurikulum sekolah kebangsaan serta program *Digital Premier Tech University* bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti graduan, dan meningkatkan kualiti IPT awam dan swasta dalam bidang teknologi digital.
- d) Kementerian menerusi MDEC juga telah membangunkan *Digital Free Trade Zone (DFTZ)* bagi meningkatkan penyertaan PKS tempatan dalam transaksi eDagang rentas sempadan untuk menembusi pasaran dunia serta bagi menarik jenama global dan *marketplaces*.

Ini berpotensi menjadikan Malaysia sebagai gerbang untuk pasaran ASEAN dan serantau. Sehingga kini, seramai lebih 3,700 PKS tempatan yang telah menyertai platform DFTZ.

### **Pengukuhan Penguatkuasaan**

a. Kementerian juga telah memulakan tindakan untuk mengkaji semula beberapa Akta di bawah Kementerian seperti Akta Komunikasi dan Multimedia (CMA) 1998, Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Selain itu, Kementerian menerusi Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah memulakan inisiatif untuk menyediakan Draf Amalan Terbaik Perlindungan Data Peribadi Sektor Awam.

- b. KKMM melancarkan kempen kempen kesedaran seperti Jenayah Siber diseluruh negara bagi menggalakkan pengguna Internet lebih berhati hati sebagai pengguna internet.
- c. KKMM juga memandang serious tentang penularan berita palsu atau berunsur fitnah melauai media sosial yang semakin menjadi-jadi dan berpotensi menyemai kebencian serta menyemarakkan keresahan di kalangan masyarakat. Pengamal sosial media perlu bertanggungjawab dan menjadi pengguna yang bertanggungjawab sosial.
- d. Di samping itu, Untuk mengetahui tentang kesahihan sesuatu berita dalam sosial media, KKMM melalui SKMM telah menyediakan [sebenarnya.my](http://sebenarnya.my) yang memudahkan orang ramai untuk membuat pengesahan atau kesahihan sesuatu berita.

Orang ramai ditingatkan untuk menggunakan internet secara berhemah dan tidak menyalahgunakannya untuk menyebarkan berita yang tidak ditentukan kesahihannya.

- e. Meningkatkan kesedaran mengenai isu penipuan atas talian (*online scam*) Macau Scam, Love Scam, 419, emel menang cabutan loteri merupakan beberapa contoh telah memangsakan ribuan rakyat Malaysia.
- f. Menyedari tentang kroniknya gejala ini, KKMM sedang beerjasama dengan PDRM untuk menangani kegiatan penipuan sebegini dan akan melancarkan kempen kesedaran melalui pelbagai saluran seperti televisyen, radio, media cetak, laman-laman pihak berkuasa dan pihak bank, media sosial seperti Facebook dan Twitter, serta aplikasi chat seperti WhatsApp.

**Perancangan/ sasaran serta hala tuju Kementerian bagi Tahun 2019**

1. Pada tahun 2019, Kementerian telah menubuhkan tiga (3) kumpulan fokus atau *thematic group* utama KKMM iaitu:
  - a. Ekonomi Digital;
  - b. Penyiaran dan Penerangan; dan
  - c. Industri Kreatif.
  
2. Penubuhan ketiga-tiga *thematic group* ini adalah sebagai platform kerjasama bagi membincangkan dengan lebih lanjut tiga (3) agenda utama Kementerian yang merangkumi penglibatan bukan sahaja Kementerian dan agensinya malahan agensi luar. *Thematic group* ini juga bukan sahaja memberi fokus kepada program malah kepada impak pelaksanaan program kepada rakyat serta usaha mewar-warkan inisiatif tersebut kepada rakyat dan manfaat yang bakal dinikmati hasil pelaksanaan inisiatif Kerajaan tersebut.

Ini sekaligus sejajar dengan visi Kementerian untuk melahirkan 'Masyarakat Yang Terhubung, Berinformasi, Kreatif dan Berbudaya Digital'.

3. Kementerian juga akan memperkenalkan Pelan Strategik Kementerian Komunikasi dan Multimedia Tahun 2019-2023 sebagai rangka kerja Kementerian serta Jabatan/Agensi/Bahagian di bawahnya bagi tempoh lima (5) tahun. Pelan Strategik ini adalah imperatif bagi memastikan gerak kerja Kementerian dilaksanakan mengikut perancangan berasaskan visi, misi dan objektif Kementerian serta dasar-dasar terkini Kerajaan.

Di bawah Pelan Strategik tersebut, enam (6) teras strategik akan digariskan iaitu:

- a. Memantapkan infrastruktur telekomunikasi yang dipercayai, berpatutan, berkualiti dan kebolehcapaian;



- b. Memacu ekonomi digital dan ICT ke arah negara maju;
- c. Memperkukuh kawal selia ekosistem komunikasi dan multimedia yang dipercayai dan stabil;
- d. Memperluas penyebaran maklumat kenegaraan untuk meningkatkan jati diri dan semangat patriotik rakyat;
- e. Memperkasa perkhidmatan penyiaran yang berkualiti dan terkini; dan
- f. Memangkin industri kandungan kreatif yang berdaya saing dan bertaraf global.

4. Pada tahun 2019 juga, Kementerian akan terus meningkatkan usaha untuk merealisasikan hasrat menggandakan kelajuan Internet dan mengurangkan harga pakej. Pelbagai aspek mengenai Internet akan diteliti termasuk masalah yang dihadapi oleh syarikat telekomunikasi.

5. Selain itu, Kementerian juga akan meminda Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Antara pindaan yang sedang dipertimbangkan adalah mengenakan penalti yang tinggi kepada pemegang lesen yang tidak mematuhi arahan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).
  
6. Kementerian juga mendokong hasrat Kerajaan bagi menjamin kebebasan media dalam melaporkan berita dan membuat kritikan kepada kerajaan. Laporan berita yang tepat tanpa berat sebelah adalah penting bagi mencorak pemikiran masyarakat yang lebih matang. Ruang perdebatan di kaca televisyen bagi isu-isu yang timbul juga dibuka supaya masyarakat mendapat maklumat dan memahami sesuatu isu itu dengan lebih jelas dan tepat.

7. Kementerian akan mengambil pendekatan secara inklusif dan holistik bagi memperbaharui industri seni tanah air termasuk pindaan kepada akta berkaitan, penstrukturan semula Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) dan badan lain yang berkenaan serta membantu penerbit filem tempatan bersaing dan berjaya. Peranan dan kebolehan industri seni untuk membawa keunikan serta keistimewaan negara ke tahap antarabangsa perlu dilihat secara serius.

8. Bagi tahun ini, Kementerian menyasarkan sejumlah RM8.2 bilion hasil kandungan kreatif tertumpu kepada animasi dan permainan video serta syarikat-syarikat berstatus MSC Malaysia yang dieksport. Kementerian menerusi MDEC juga akan menjalankan dan mengembangkan ekosistem eSports di Malaysia yang dapat berdaya saing setanding negara-negara lain yang menganjurkan liga bertaraf global. Ini akan menyemarakkan lagi pembangunan permainan digital di Malaysia di samping memperluas kesedaran mengenai industri ini.

Para hadirin sekalian,

9. Saya berharap kerjasama yang diberikan oleh semua pihak termasuk warga Kementerian, Jabatan dan Agensi dapat dipertingkatkan dan seterusnya mencapai sasaran dan halatuju Kementerian pada tahun ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang hadir dan bersama-sama kita semua merealisasikan sasaran ini bagi membuktikan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia mencapai kejayaan yang lebih baik berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Sekian, terima kasih.